


# Bantuan bagi Warga Emas



## Menggalakkan Penuaan Aktif

- **\$3.5 bilion** untuk program **Sihat Menua SG** bagi membantu warga emas di rumah dan di kalangan masyarakat, termasuk meluaskan rangkaian Pusat Penuaan Aktif, serta memperkenalkan lebih banyak kelengkapan rumah dan prasarana pengangkutan yang lebih mesra untuk warga emas

## Jaminan bagi Penjagaan Kesihatan

- **Bonus MediSave** sehingga **\$300** yang diberikan sekali sahaja bagi semua rakyat dewasa Singapura yang dilahirkan pada 1974 hingga 2003 (rakyat Singapura yang dilahirkan pada 1973 atau sebelumnya akan meraih manfaat daripada komponen Bonus MediSave daripada Pakej Majulah)
- Menaikkan had pendapatan per kapita keluarga untuk **skim subsidi bagi penjagaan kesihatan dan sokongan sosial yang berkaitan**

## Bantuan untuk Keperluan Persaraan

- **Pakej Majulah** bagi 1.6 juta rakyat Singapura yang dilahirkan pada 1973 atau sebelumnya untuk membantu keperluan persaraan dan penjagaan kesihatan
- Menaikkan bayaran setiap suku tahun daripada **Skim Ihsan Senja** sebanyak **20%**, dan meningkatkan had kelayakan pendapatan per kapita keluarga kepada **\$2,300**
- Memperluaskan **Skim Simpanan Persaraan yang Dipadankan** untuk merangkumi rakyat Singapura berusia 55 tahun ke atas, serta meningkatkan had padanan tahunan kepada **\$2,000**, di samping had padanan sepanjang hayat sebanyak \$20,000
- Menaikkan **Jumlah Persaraan CPF yang Dipertingkatkan** sebanyak **4 kali ganda Jumlah Persaraan Asas**
- Melanjutkan tempoh **pelan ansuran GIRO tanpa faedah** untuk bil Cukai Hartanah kediaman kepada **24 bulan** bagi pesara berusia 65 tahun ke atas yang layak



Imbas kod QR untuk ketahui jumlah bantuan yang anda bakal terima

go.gov.sg/sfyb2024



Dikemas kini pada 16/02/2024